

## Abstrak

Tajuk : "Bacaan al-Qur'an Menurut Qirā'āt Nāfi' : Kajian di Maahad Tahfiz Al-Qur'an, Pulau Chondong, Kelantan". Kajian ini dibuat adalah bagi memenuhi keperluan sarjana Usuluddin bagi sesi 2002/2003, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kajian tentang al-Qur'an dan ilmu-ilmu al-Qur'an telah dilakukan oleh ramai penyelidik di Malaysia. Pelbagai aspek di dalam bidang al-Qur'an telah pun dikaji. Namun, tidak ramai yang mencuba untuk melakukan kajian di dalam bidang qira'at, satu ilmu bacaan al-Qur'an. Hal ini bukanlah satu perkara yang mengejutkan kerana kurangnya pengetahuan masyarakat di negara kita tentang topik ini, dan ramai di kalangan masyarakat yang hanya mengetahui tentang satu riwayat sahaja iaitu Riwayāt Ḥafṣ di dalam bacaan al-Qur'an.

Penulis berpendapat fenomena ini perlu diberi perhatian khusus, terutamanya oleh golongan pendidik dan kerajaan. Bidang qira'at bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh kerana ia secara tidak langsung mempamerkan keindahan al-Qur'an dan Islam itu sendiri. Dengan itu, penulis berpendapat adalah perlu untuk dibuat satu kajian berkenaan bidang ini.

Secara ringkasnya, kajian ini memfokuskan pada Qirā'āt Nāfi'. Kajian telah dibuat di Maahad Tahfiz Al-Qur'an, Pulau Chondong. Institusi ini telah dipilih berdasarkan beberapa ciri. Pertamanya ialah sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah di Kelantan yang memperkenalkan mata pelajaran qira'at. Sekolah ini juga mempunyai rekod pencapaian akademik yang cemerlang. Antara tujuan penyelidikan ini sendiri ialah bagi meninjau samada pengajian qira'at boleh dipraktikkan kepada pelajar-pelajar di Malaysia. Dengan itu, penulis berpendapat sekolah ini adalah pilihan yang tepat kerana ia akan dapat memperlihatkan keupayaan sebenar pelajar-pelajar dalam mempelajari qira'at.

Sejajar dengan minat yang kian bercambah terhadap al-Qur'an dan ilmu-ilmunya dalam masyarakat kita hari ini, adalah penting bagi golongan pendidik dan kerajaan sama-sama memikul tanggungjawab dalam merealisasikan pendidikan qira'at di Malaysia.

## Abstract

Title : The Qur'anic Recitations According to Qira'āt Nāfi' : A Study at Maahad Tahfiz Al-Qur'an, Pulau Chondong. Its objective is to fulfill requirement for Master Degree in Usuluddin for the 2002/2003 session, Institut Pengajian Siswazah Dan Penyelidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

The study of al-Qur'an and Qur'anic knowledge has been made by various researchers in Malaysia. Many aspects of al-Qur'an has been studied. Yet, there are not many who had attempt to make a research in Qira'at, a knowledge of Qur'anic Recitations. Not surprisingly it is due to the lack of knowledge of peoples in our country about this topic, and many even only know just one qira'at in Qur'anic recitations.

The reseacher found that this phenomena is something that should be given special attention, especially by educators and the government. The qira'at field is not something that should be regard lightly because it reflects the beauty of al-Qur'an and thus Islam. Therefore the researcher feels the necessity to conduct a research in this topic.

Basically this research has been focussed on Qira'at Nāfi'. The research has been carried out at Maahad Tahfiz Al-Qur'an, Pulau Chondong. The school has been chosen due to few of it's characteristics. First of all, the school is the only school in Kelantan which introduces the subject of qira'at. The school also has a record of outstanding academic achievements. As one of the objectives of this research is to find out whether a study of qira'at is applicable to students in Malaysia, the researcher feels that this school is well chosen as it will shows students ability to cope with the study of qira'at.

As the the Qur'an and Qur'anic knowledge has gained interest in our society today, it is important to the educators and government alike to take full responsibility in realizing the qira'at education in Malaysia.

## ملخص البحث

موضوع: "تلاوة القرآن بقراءة نافع: دراسة في معهد تحفيظ القرآن، فولي جوندوغ، كلنتن". وأعد البحث لاستكمال متطلبات الحصول على درجة الماجستير في فأصول الدين للعام الدراسي ٢٠٠٢/٢٠٠٣، مركز الدراسات العليا والبحوث، جامعة ملايا كوالالمفور.

إن الدراسات حول القرآن الكريم وعلومه قد قام بها كثير من الباحثين بماليزيا وقدمت دراسات عن القرآن في مختلف مجالاته، لكن الذين حاولوا في عمل الدراسات في مجال القراءات ليسوا كثيرين. وهذا ليس بأمر غريب إذ قلت معرفة الناس في هذا البلد عن هذا الموضوع وكثير منهم لديهم علم برواية حفص فقط في تلاوة القرآن.

ويرى الباحث أن هذه الظاهرة يلزم التنبه لها من قبل المدرسين وكذلك الحكومة حيث إن مجال القراءات ليس بمجال يستصغر به لما له من عرض جمال القرآن والإسلام معا. لذا يرى الباحث ضرورة البحث في هذا المجال.

وباختصار، تركز الدراسة على قراءة نافع في معهد تحفيظ القرآن، فولي جوندوغ. واختير هذا المعهد لعدة اعتبارات، أولها: وهو المعهد الوحيد في ولاية كلنتن تدرس فيه مادة القراءات ويتمتع بالتفوق العلمي. ومن أهداف البحث النظر هل يمكن تدريس علم القراءات للطلبة الماليزيين. لذا يرى الباحث أن هذا الاختيار هو الاختيار المناسب لأنه يكشف عن حقيقة قدرات الطلبة لتعلمه. وتمشيا مع تزايد الرغبات نحو القرآن وعلومه في مجتمعنا اليوم، ينبغي أن يتحمل المدرسون والحكومة مسئولية مشتركة في سبيل تدريس علم القراءات في ماليزيا.